



**KETUA SETIAUSAHA  
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR  
PERUTUSAN TAHUN BARU 2017**



***Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam 1NRE.***

Terlebih dahulu saya ingin memanjatkan rasa kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurnia-Nya dapat saya mencoret sepatah dua kata bersempena ketibaan Tahun Baru 2017.

Tahun 2016 bakal meninggalkan kita dengan pelbagai kenangan dan kejayaan yang boleh kita semua banggakan bersama. Antara kejayaan yang dimaksudkan ialah pindaan kepada Kanun Tanah Negara (KTN), Akta Pengambilan Tanah dan Akta Hakmilik Strata, pengubalan Akta FRIM, penjenamaan semula Hari Alam Sekitar Negara (HASN 2016) dan sebagainya.

Selain itu, NRE juga turut melakar kejayaan di peringkat antarabangsa melalui penglibatan NRE di konvensyen-konvensyen antarabangsa seperti Konvensyen Rangka Kerja Perubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu ke-22 (UNFCCC COP 22), Persidangan Ke-13 kepada Konvensyen Kepelbagaian Biologi (CoP13 CBD), Perjanjian Paris dan pelantikan Malaysia sebagai Pengerusi Kumpulan *Like – Minded Megadiversity Countries (LMMC)*.

Di samping itu, kita juga telah berjaya menganjurkan majlis-majlis dan persidangan sama ada di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Penganjuran aktiviti atau majlis bersempena dengan Sambutan Dunia untuk menghargai sumber asli dan alam sekitar seperti **Sambutan Hari Hutan Sedunia, Hari Air Sedunia, Hari Alam Sekitar Negara** dan lain-lain lagi yang jelas mencerminkan komitmen NRE dalam usaha pemuliharaan sumber asli dan alam sekitar di negara ini. Di samping itu, NRE turut menyelaras beberapa mesyuarat utama di peringkat kebangsaan seperti Mesyuarat Menteri-Menteri Alam Sekitar Dan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Yang Bertanggungjawab Mengenai Alam Sekitar (**MEXCOE**), Majlis Tanah Negara (MTN) dan Majlis Sumber Air Negara (MSAN) yang merupakan satu forum penting bagi membincangkan isu-isu berkaitan sumber asli dan alam sekitar.

Semua kejayaan tersebut tidak dapat dicapai tanpa kerjasama dan komitmen semua warga NRE dibawah kepimpinan, YB Dato Sri Dr Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar. Sehubungan itu, saya berharap agar kerjasama antara Kementerian dan jabatan dipertingkatkan lagi untuk memastikan pengurusan sumber asli dan alam sekitar yang mapan.

Sempena tahun baru ini juga, saya ingin mengingatkan warga NRE bahawa dalam keadaan ekonomi yang mencabar ini, kita semua perlu mengambil iktibar dan memainkan peranan penting dalam usaha mengamalkan perbelanjaan secara berhemah dengan mengelakkan sebarang pembaziran. Dengan kata lain, kita perlu bijak mengurus sumber kewangan yang diperuntukan, membudayakan inovasi dan kreativiti dalam merakyatkan perkhidmatan awam secara berterusan yang secara tidak langsung dapat menjimatkan sumber kewangan tetapi dapat menghasilkan impak yang tinggi kepada rakyat. Dalam konteks ini,

pendekatan Strategi Lautan Biru (NBOS) boleh dipraktikkan secara menyeluruh dalam melaksanakan program dan aktiviti yang melibatkan jabatan dan agensi di bawah NRE, kementerian dengan kementerian malah sehingga ke peringkat Kerajaan Persekutuan dengan pihak Kerajaan Negeri bagi memastikan pengurusan sumber asli dan alam sekitar dapat diurus secara mapan dan lestari sejajar dengan visi, misi dan fungsi NRE.

Selaku Pegawai Pengawal, saya juga ingin menyeru agar semua pihak sama ada di NRE ataupun di Jabatan agar dapat memastikan segala urusan perolehan dilakukan dengan mematuhi prosedur-prosedur kewangan semasa yang ditetapkan sama ada oleh NRE mahupun pihak Kementerian Kewangan. Ini adalah bagi mengelakkan berlakunya teguran audit terhadap aktiviti perolehan yang tidak mematuhi peraturan yang kelak akan merosakkan reputasi Jabatan khususnya dan Kementerian amnya. Begitu juga dengan aspek keselamatan sama ada keselamatan dokumen mahupun keselamatan fizikal yang tidak seharusnya diambil mudah. Segala peraturan dan *Standard Operating Procedure* (SOP) haruslah dipatuhi sepanjang masa.

Dalam menyahut lembaran 2017 ini, saya ingin menyeru dan mengajak seluruh warga NRE supaya menanamkan azam dan tekad yang tinggi untuk berjuang bersama demi menuju ke arah yang lebih cemerlang. Kejayaan dan pencapaian yang telah kita kecapai pada tahun yang lalu haruslah dijadikan sebagai pembakar semangat untuk meningkatkan lagi momentum agar mencapai tahap yang lebih membanggakan pada tahun ini. Kelemahan dan kekurangan pada tahun yang lalu pula bolehlah kita jadikan sebagai medan cetusan refleksi dalam memperbaiki dan menambahbaik kelompangan yang wujud. Saya amat yakin melalui usaha yang lebih gigih, kita bakal menempa lebih banyak kejayaan pada tahun 2017.

Semoga tahun 2017 ini dapat kita mengukuhkan lagi ukhwah, semangat kekitaan, sama-sama berganding bahu dan sentiasa memberi komitmen yang tinggi sejajar dengan semangat 1NRE supaya kita semua dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab dalam menyampaikan perkhidmatan yang terbaik demi kesejahteraan rakyat dan negara.

Akhir kata, saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk merakamkan ucapan Selamat Tahun Baru dan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh warga NRE di atas dedikasi dan komitmen dalam memenuhi amanah yang dipertanggungjawabkan melalui semangat muhibah dan jalinan kerjasama yang erat di antara Kementerian dan Jabatan serta agensi di bawah NRE.

Semoga semua warga NRE sekalian sentiasa dipelihara kesihatan dan kesejahteraan oleh Allah S.W.T dan seterusnya dapat melaksanakan tugas-tugas yang mendatang dengan penuh ketenangan, insya-Allah.

Selamat Tahun Baru 2017.

**DATO' SRI AZIZAN BIN AHMAD**